



GAS LEAK DETECTOR

PENYELIA: PUAN NAZRIZAM BINTI AB WAHAB

1. ADIB ZIKRI BIN ZAHARI (08DPB18F1063)
2. NUR AZYAN WAFIQAH BINTI MD AZMI (08DPB18F1064)
3. MUHAMMAD UMAIZAD BIN MAT ADIL (08DPB18F1082)
4. MUHAMMAD DANISH AYRAF BIN ABD RAZAK (08DPB18F1091)



PENERANGAN INOVASI

Terdapat banyak buah mulut yang sering kita dengar daripada masyarakat mengenai kebocoran gas yang terjadi di kawasan kediaman mereka. Selain itu, mereka juga sukar untuk mengesan kehadiran kebocoran gas yang berlaku di dalam rumah kediaman mereka. Seperti masalah yang telah kami kaji adalah:

- i. Kebocoran gas yang sukar dikesan pada peringkat awal oleh pengguna.
- ii. Tiada alat yang boleh memberitahu mereka sekiranya berlaku kebocoran.
- iii. Tidak mengetahui cara untuk bertindak apabila berlakunya kebocoran gas sekiranya pengguna tiada di rumah.

IMPAK INOVASI

Alat ini mampu meningkatkan kesedaran pengguna terhadap bahayanya kebocoran gas yang berlaku di kediaman mereka. Sehubungan dengan itu, alat ini mempunyai penggera yang kuat dan boleh menghantar sistem pesanan Ringkas (SMS) kepada 3 nombor telefon mengikut kehendak pengguna. Tak kurang dengan itu, alat ini juga mempunyai paparan LCD yang menunjukkan peratusan kadar kepekatan gas. Secara lazimnya, setiap rumah harulah memiliki alat ini untuk meningkatkan pencegahan terhadap bahaya kebocoran gas seperti letupan gas atau pun sesak nafas. Selain itu, kegunaan alat ini tidak terhad hanya kepada kegunaan di dalam rumah sahaja. Ia juga boleh digunakan di restoran atau dibawa bersama sekiranya pengguna ingin melakukan aktiviti-aktiviti di luar seperti aktiviti perkemahan kerana ia menggunakan bateri tahan lama.

OBJEKTIF

kami telah menjalankan kajian mengenai kesukaran untuk mengesan kebocoran gas di premis kediaman dan restoran. Melalui kajian ini, kami dapat memenuhi objektif kajian kami seperti berikut:

- i. Menghasilkan alat yang dapat mengesan kehadiran gas.
- ii. Memberi isyarat awal kepada pengguna bahawa terdapat kebocoran gas .
- iii. Membantu pengguna mengambil tindakan yang perlu sekiranya berlaku kebocoran gas.

BLOK DIAGRAM/CARTA ALIR OPERASI

